

SIARAN MEDIA

SOAL SELIDIK AWAM BAGI KAJIAN PENAMBAHBAIKAN INDUSTRI UMRAH DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 DISEMBER 2025 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang melaksanakan **Kajian Penambahbaikan Industri Umrah di Malaysia** yang bermula pada Oktober 2025 selaras dengan Seksyen 16(g), Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713]. Kajian ini bertujuan meneliti struktur pasaran, menilai keadaan semasa industri serta menyokong penambahbaikan jangka panjang dalam rangka kerja ekonomi pasaran Umrah.

Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga teras utama, iaitu **menganalisis struktur pasaran dan corak operasi pemain industri Umrah, memahami corak permintaan dan penawaran pasaran semasa bagi perkhidmatan Umrah serta mengenal pasti isu dan cabaran kritikal dari perspektif persaingan, pasaran dan peraturan**. Berlandaskan tiga teras utama ini, ia akan membantu MyCC memperolehi input yang lebih komprehensif untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

Berdasarkan dapatan kajian, MyCC akan mengemukakan syor serta intervensi yang bersesuaian kepada kerajaan bagi memperkasakan mekanisme pemantauan pasaran, mempromosikan persaingan sihat dan menyokong pembangunan mampan industri Umrah.

Sebagai inisiatif yang diambil, usaha pengumpulan data yang melibatkan pengedaran tinjauan untuk penyertaan awam, MyCC telah melancarkan Soal Selidik Jemaah Umrah pada 2 Disember 2025. Tinjauan ini boleh diakses melalui pautan <https://forms.gle/u1rAgF9zVXTHFAJ27> sehingga **19 Disember 2025 (Jumaat)**.

Pandangan dan maklumat yang disalurkan oleh orang awam serta pihak industri akan memainkan peranan penting dalam membentuk syor dasar dan langkah penambahbaikan untuk mewujudkan pasaran Umrah yang cekap, telus dan berdaya saing, sekali gus memberi manfaat kepada pengguna di Malaysia secara keseluruhannya.

###

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: pcd@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-14 pada 1 April 2025 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap lebih dari 200 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM667 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.